

DATE : MARCH 12, 2016
 MEDIA : HARIAN METRO
 SECTION : SETEMPAT
 PAGE : 42
 COLOUR : FULL COLOUR
 EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

CLIENT : LEMBAGA TABUNG ANGKATAN
 TENTERA (LTAT)
 TASK : NEWS RELEASE

LTAT bayar dividen, bonus RM693.8j

■ Bayaran mula dibuat
 kepada ahli pada Isnin ini



Oleh Hairulazim Mahmud
 azim@hmetro.com.my
 Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan membuat bayaran dividen dan bonus 12 peratus berjumlah RM693.8 juta bagi tahun kewangan 2015.

LTAT dalam kenyataannya di sini berkata, bayaran dividen dan bonus itu meliputi dividen enam peratus serta bonus khas sebanyak enam peratus dalam bentuk unit amanah saham untuk ahli yang aktif.

Dividen dan bonus berkenaan akan mula dibayar kepada ahli pada Isnin ini.

"Sepanjang tempoh 43 tahun, purata kadar dividen dan bonus tahunan yang dibayar LTAT ialah 11.3 peratus setahun," menurut kenyataan itu lagi.

Pada tahun sebelumnya LTAT membuat pembayaran dividen

dan bonus tertinggi iaitu sebanyak 15 peratus yang berjumlah RM835.1 juta.

Dalam pada itu kenyataan itu menyebut, LTAT mencatatkan jumlah pendapatan yang belum diaudit sebanyak RM766.8 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Katanya, jumlah aset lembaga itu meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM9.4 bilion berbanding RM9.3 bilion pada tahun 2014.

"Caruman ahli juga meningkat kepada RM9.1 bilion berbanding RM8.9 bilion tahun lalu," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Pengerusi LTAT Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor berkata, ahli-ahli kumpulan dana itu bersyukur dengan pencapaian yang direkodkan dengan yang masih tinggi berjaya diagihkan walaupun negara dan dunia berhadapan dengan keadaan ekonomi yang mencabar.

Katanya, LTAT juga sudah mengambil langkah berjaga-jaga dari segi operasi dan pelaburan bagi memastikan kepentingan dan pulangan kepada ahli diutamakan.

LTAT dan Yayasan Warisan Perajurit (YWP) yang ditubuhkan syarikat Kumpulan LTAT dan diterajui Boustead Holdings Berhad sudah menyampaikan biasiswa serta pelbagai bantuan kewangan berjumlah RM4.1 juta kepada 3,607 anak-anak anggota tentera yang cemerlang dalam peperiksaan mereka.